

sahaja keupayaan kita, tetapi juga kelemahan kita yang harus kita akui."

"Keangkuhan kuasa dan nafsu tidak boleh dibiarkan mempengaruhi rancangan yang kita buat," tegasnya.

Beliau menekankan perlunya perhitungan yang teliti dibuat jika sesuatu rancangan hendak mencapai matlamatnya.

"Jika perhitungan ini silap, terutama jika didorong oleh nafsu, maka keburukan yang akan menimpa kita amatlah berat."

Perdana Menteri mahu para perancang yang bertanggungjawab mengambil kira semua faktor, walaupun akhirnya yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu perancangan ialah Allah Subhanahu Wa-taala.

Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan perancangan kerajaan mengenai Islam termaktub dalam sistem pelajaran, perancangan, pembangunan dan beberapa perancangan lain yang sesuai dengan taraf Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Dalam menerapkan nilai-nilai Islam, umpamanya, kata beliau, kerajaan berpendapat adalah lebih baik usaha itu dimulakan dahulu di dalam pentadbiran kerajaan.

Menurutnya, nilai-nilai Islam yang diterapkan itu merupakan nilai-nilai universal yang mudah difahami oleh semua rakyat dan oleh demikian diterima oleh setiap lapisan masyarakat majmuk negara ini.

Projek2 Islam dilaksana bukan kerana angkuh kuasa — PM

16 SEP 1985

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Kerajaan melaksanakan projek - projek untuk meninggikan syiar Islam di negara ini setelah mengkajinya dengan teliti dan bukan kerana didorong oleh keangkuhan kuasa atau nafsu, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini. (Ucapan penuh lihat muka 8).

Perdana Menteri bimbang jika perancangan tidak diutamakan, mungkin kerajaan terburu-buru, melaksanakan apa-apa sahaja yang menggunakan nama Islam yang mungkin mengakibatkan kegagalan akhirnya. "Begitu juga halnya dalam usaha kerajaan untuk meninggikan syiar Islam di negara ini. Kita tidak me-

laungkan sesuatu yang berkaitan dengan Islam bagi tujuan menarik sokongan rakyat kepada kerajaan," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam perutusannya sempena Awal Muharam yang menandakan bermulanya tahun baru Hijrah 1406 melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Oleh demikian, tegasnya, kerajaan mengadakan perancangan yang teratur mengenai projek-projek yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam di negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan mengambil masa bagi memikir dan merancang sebelum melaksanakan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Bank Islam dan baru-baru ini Syarikat Takaful pula.

"Perancangan yang kita buat mengambil kira bukan